

08/01/2003

Puisi umpama anyaman tiga riben

Victor A Pogadaev

BAGAIMANA kesan anda terhadap PPDKL?

Saya memang sangat bertuah mendapat peluang ikut serta dalam PPDKL kali ini kerana boleh mengenali ramai penyair berbakat dari pelbagai pelosok dunia. Saya berterima kasih kepada DBP kerana mempertemukan kami di sini. Tetapi yang paling menarik bagi saya ialah reaksi peminat puisi Malaysia. Saya tiba di Kuala Lumpur agak awal dan melawat beberapa tempat menarik di bandar raya Kuala Lumpur, termasuk Pasar Budaya dan Taman Templer. Di Pasar Budaya saya berkenalan dengan seorang pelukis yang menyesal kerana tidak sempat hadir pada malam perasmian PPDKL. Namun dia begitu mesra dengan saya sehingga saya hendak mendeklamasikan sebuah sajak khusus untuknya. Sebaik saja saya mula beraksi, ramai orang mengelilingi saya dan dengan penuh minat mengikuti deklamasi saya di Pasar Budaya. Anugerah yang paling besar untuk saya ialah perhatian mereka dan minat terhadap puisi.

Jadi orang Malaysia sukakan puisi?

Ya betul. Bahkan saya berani mengatakan bahawa jiwa mereka terdedah kepada puisi. Puisi tumbuh di tanah subur Malaysia dan mungkin kerana itu di sini ramai penyair yang mempunyai bakat semula jadi.

Sebutkan beberapa nama mereka.

Saya berbahagia kerana boleh berkenalan dan bergaul dengan Kemala, Baha Zain, Siti Zainon Ismail, Agi, Rejab dan Rahimidin Zahari. Kami tidak selalu mengerti bahasa satu sama lain tetapi menghayati puisi sesama kami kerana ia adalah hati dan jiwa kami. Ia lahir daripada perasaan kami yang suci dan ikhlas.

Bagaimana anda mentakrifkan puisi?

Bagi saya puisi adalah anyaman tiga riben: sebuah riben ialah kebenaran, riben yang kedua ialah khayalan, dan riben yang ketiga ialah muzik. Kadang saya bahkan berfikir bahawa kami, penyair mempunyai misi kenabian, menjadi perantara antara langit dan bumi dan wajib menanam rasa keadilan, kejujuran dan kedamaian dalam jiwa insan. Kami seperti lilin menyinari kehidupan mereka.

Penyair wanita Russia, Tsvetaeva pernah berkata: "Sekiranya anda tahu dari sampah ada puisi tumbuh.... Bagaimana pendapat anda?"

Benar juga. Sering kali seorang penyair mengeluarkan mutiara kata daripada sampah dan membuatnya bercahaya seperti matahari. Itu memang menunjukkan alangkah beratnya kerja menulis sajak. Tetapi apabila seseorang penyair berhasil mengangkat puisi daripada "sampah", dia akan begitu berbahagia dan mampu membuat orang lain juga berbahagia. Puisi menyerikan kehidupan manusia, menjadikannya lebih seronok dan bererti. Bahkan ahli politik yang serius, cenderung berpuisi seperti misalnya Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ini bererti bahawa jiwanya meskipun berkecimpung lama dalam politik tidak menjadi keras melainkan tetap halus dan berperikemanusiaan.

Peristiwa apa selama PPDKL yang paling menarik bagi anda?

Saya sangat terharu berjumpa dengan penduduk sebuah kampung nelayan di Kuala Selangor. Orangnya begitu mesra dan ramah tamah sehingga saya berasa seperti berada dalam lingkungan keluarga sendiri. Saya dan peserta lain diberi kesempatan melawat beberapa rumah orang kampung dan bahkan bersiar-siar di sekitar kampung.

Kiranya lawatan ke Malaysia memberi ilham kepada anda untuk menciptakan puisi baru.

Dari mana anda tahu? Namun begitulah keadaannya. Saya mengagumi Malaysia

dan kekaguman itu dicerminkan dalam beberapa puisi yang saya ciptakan di sini, misalnya dalam sajak "Jamek". Malaysia sudah kenal di hati saya dan saya pasti akan ingat tentang peristiwa yang meriah dalam rangka PPDKL dan rindu akan sahabat baru. Seperti dalam puisi saya:

Pokok kelapa berderetan menari
Seperti pokok bic di Russia
Dondang sayang! jiwaku menyanyi
Aku cuma menelan air mata.
Di sana, di tengah pokok kelapa - Jamek!
Suara muazzin mencapai langit.
Alam bergeser dari musim gugur ke musim sejuk,
Namun di sini aku kembali ke musim panas.
Di sini, di pertemuan Sungai Gombak dan Klang,
Salji dan musim sejuk tak pernah ada.
Di tengah pokok kelapa dan mempelam
Aku pasti tak akan kelaparan.
Kubah-kubah berseri seperti bunga popi.
Bintang bersinar di atas menara masjid.
Kedatanganku ke sini menjadi hadiah nasib,
Dan suara muazzin bagi jiwaku seperti madu.
Aku seakan pernah ada di sini,
Di masjid dari kisah Seribu Satu Malam.
Nasib kembalikan aku ke musim panas:
Malaysia, keranamu aku berbahagia!
Di sana, di tengah pokok kelapa - Jamek!